

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN NO. 270

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Rancangan Makanan Tambahan akan dipanjangkan dan dilaksanakan di peringkat sekolah menengah untuk membantu murid-murid dari golongan keluarga kategori B40.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah dilaksanakan semenjak 1979. Bantuan ini diberikan kepada murid-murid di sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dasar ini masih diteruskan sehingga sekarang dengan matlamat memastikan murid-murid di sekolah rendah dapat memberikan tumpuan dalam pembelajaran terutamanya murid-murid dalam kalangan keluarga miskin.

Buat masa ini KPM tidak bercadang untuk meluaskan program RMT ke peringkat sekolah menengah. Bagi murid di sekolah menengah pula, bantuan-bantuan pendidikan berbentuk kewangan dan biasiswa disediakan oleh KPM agar murid yang kurang bernasib baik dapat meneruskan pembelajaran mereka di sekolah.